

Air dua sungai hitam, berbuih

BH ms 14 (9/08/2019)

Penduduk Kampung Perigi Aceh bimbang bau busuk, mata pedih

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Pasir Gudang: Dua lagi sungai di Kampung Perigi Aceh, dekat sini, bertukar menjadi hitam dan berbau busuk sejak pertengahan bulan lalu sekali gus mewujudkan kebimbangan baharu dan menambah angka sungai tercemar di kawasan berkenaan.

Tinjauan *BH* di kawasan Sungai Daing mendapati air sungai itu bukan sahaja berwarna hitam pekat, malah baunya busuk menyebabkan rasa muak dan pedih mata apabila terdedah kepada persekitaran sungai berkenaan.

Ketua Kampung Perigi Aceh, Othman Adon, 56, berkata keadaan Sungai Daing dan Kopok yang terletak di kampung berkenaan semakin kritikal sejak April lalu.

Beliau berkata, air di kedua-dua sungai itu bertukar menjadi kehitaman, berminyak, berbuih dan berbau busuk menyebabkan kira-kira 60 nelayan di kampung berkenaan kehilangan punca pendapatan apabila hidupan akuatik di situ kini semakin pupus.

"Tahun ini sahaja sebanyak 12 kali kejadian hidupan sungai, terutama ikan dan udang mati terapung dipercayai akibat pencemaran di Sungai Daing dan Sungai Kopok.

"Bermula Januari lalu hingga sekarang bangkai ikan dan udang terapung menyebabkan nelayan kehilangan pendapatan.

"Lebih menyedihkan Sungai Daing dan Kopok kini airnya hi-



Othman menunjukkan air Sungai Daing bertukar hitam Kampung Perigi Aceh, Pasir Gudang, semalam.

(Foto Zain Ahmed/BH)



Othman menunjukkan sisa buangan kilang dipercayai bertoksik berhampiran Sungai Daing, Kampung Perigi Aceh, Pasir Gudang.

tam pekat, berminyak menyebabkan sungai yang dulu kaya dengan udang, siakap, ketam dan siput kini pupus sepenuhnya," katanya pada sidang media di Jeti Sungai Kopok, dekat sini, semalam.

Othman dan penduduk kampung turut menunjukkan keadaan menyedihkan Sungai Daing di kampung itu yang terletak kira-kira satu kilometer dari kawasan industri yang menempatkan lebih 20 kilang, termasuk kilang kimia di situ.

Othman berkata, penduduk kampung berharap pihak berkuasa mengambil tindakan segera sebelum pencemaran di dua sungai berkenaan menjadi lebih kritikal seperti Sungai Kim Kim.

"Sejak April lalu, kami sudah membuat aduan kepada pihak berkuasa, termasuk laporan polis bagi memastikan sungai ini tidak menerima nasib yang sama seperti Sungai Kim Kim.

"Kampung Perigi Aceh adalah titik tengah pertemuan tiga sungai iaitu Sungai Kim Kim, Sungai Daing dan Sungai Kopok," katanya.

Beliau juga menunjukkan 'aluan tikus' di kampung berkenaan yang dijadikan tempat pembuangan hampir 100 bungkusan bahan berserbuk disyaki sisa toksik.

Katanya, penduduk kampung menyedari kewujudan kawasan pembuangan berkenaan kelmarin sebelum membuat laporan polis.

"Kawasan pembuangan ini terletak hanya 500 meter dari Sungai Kopok dan ia sangat membimbangkan penduduk kampung.

"Melihat keadaannya, ia seperti sudah lama wujud berikutan banyak bahan buangan dibuang di sini. Kami syak aktiviti pembuangan dilakukan ketika waktu malam kerana ia tidak disedari penduduk sehinggalah semalam (kelmarin)," katanya.